

KESENIAN DAN HIBURAN BERMARTABAT TINGGI : SATU GAGASAN

Rasid bin Muhamad dan Mohd Kamal Azman bin Jusoh
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, Pahang

Abstrak: Kertas kerja ini ingin memaparkan konsep kesenian dan hiburan bermartabat tinggi, yang tentunya bersendikan agama dan nilai yang penting dalam konteks negara Malaysia, iaitu Islam. Pemikiran yang sedemikian dirasakan wajar, kerana melihatkan fenomena kesenian dan hiburan yang diamalkan sekarang terlalu bersifat hedonistik, bersalutkan kepentingan keuntungan kebendaan dan kewangan. Oleh itu, ianya perlu dilihat semula, agar ianya mengambilkira prinsip dan dasar yang sedia ada di samping menyesuaikan serta menghormati status Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Dengan itu bolehlah pihak yang berkepentingan serta berkaitan membuat pendekatan yang lebih bertanggungjawab dan terhormat. Dengan itu baharulah seni dan hiburan yang dibenarkan dan disuburkan akan memberikan kesan dan pengaruh yang positif ke arah pencapaian wawasan 2020. Dan kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi itu dapat difahami dan diamalkan serta dihormati oleh semua pihak yang terlibat dalam kegiatan dan industri kesenian dan hiburan.

Kata kunci : Kesenian, Hiburan bermartabat tinggi

PENGENALAN

Kesenian dan hiburan merupakan salah satu unsur kehidupan yang dianggap penting dalam masyarakat moden sekarang. Ianya menjadi perkara yang diberikan perhatian dan mendapat keutamaan. Malah kesenian mendapat tempat yang utama dalam penamaan kementerian dalam kabinet yang terbaru mengatasi kebudayaan. Tentunya ini memberi maksud yang tersendiri terhadap kesenian dan hiburan. Sesungguhnya kesenian dan hiburan mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam mana-mana masyarakat. Ianya mempunyai peranan yang tidak sedikit dalam mendidik masyarakat, di samping menjadi industri yang menguntungkan, namun yang menjadi persolan utama sekarang, apakah seni dan hiburan sekarang melaksanakan fungsi murninya dalam mendidik masyarakat atau sebaliknya?

Kesenian Dan Hiburan

Perbincangan tentang kesenian dan hiburan amat berkait dengan konsep kebudayaan yang lebih luas lagi. Menurut tradisi Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Prof Naquib [19] kebudayaan yang luas itu hasilan pengaruh serta daya cipta keislaman ke atas segala bidang kehidupan. Ringkasnya agama Islamlah yang membentuk budaya, dalam segenap kehidupan yang termasuk di dalamnya kesenian dan hiburan bukan sebaliknya. Islam membentuk dan mentakrifkan budaya, bukan “agama” itu menjadi sebahagian dari budaya.

Seni merupakan satu konsep yang luas. Secara umumnya seni ini berasal dari perkataan *art*, iaitu sesuatu yang indah. Iaitu keindahan yang dapat menggerakkan jiwa, kemesraan, menimbulkan keharuan, ketakjuban, dan kesenangan [6]. Menurut Abdul Ghani Shamsuddin dan lain-lain [2] seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, tak kira sama ada ianya merupakan hasil ciptaan Allah mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, imaginasi dan perbuatan manusia.

Seni sebagaimana yang diungkapkan oleh Quraisy Shihab [13] sebagai “keindahan”, yang merupakan ekspresi ruh dan budaya manusia, yang mengandungi dan mengungkapkan keindahan. Ia lahir dari sisi terdalam manusia didorong oleh kecenderungan seniman kepada indah, apa pun jenis keindahan itu. Dorongan tersebut merupakan naluri manusia”. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Rum ayat 30 bermaksud :

“Maka tetapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya”.

Seni sesungguhnya terlalu luas cakupannya. Menurut Mustaffa Haji Daud [12] seni bolehlah dikategorikan kepada empat cabang yang besar iaitu meliputi:

- Seni melalui pendengaran seperti muzik deklamasi puisi, prosa, seni suara dan sebagainya.
- Seni yang diperolehi melalui penglihatan mata seperti seni lukis, seni hias, seni bina seni pakaian dan sebagainya.
- Seni yang dapat diperolehi melalui pendengar dan penglihatan seperti drama, table, teater filem dan sebagainya.
- Seni yang dinikmati melalui pembacaan seperti hasil karya sastera yang berbentuk puisi dan prosa.

Walaupun pembahagian yang dinyatakan di atas boleh diperbahaskan, namun ianya dapat menggambarkan betapa seni tersebut luas cakupannya dan tentunya amat mempengaruhi kehidupan masyarakat kini sama ada positif atau negatif.

PERBINCANGAN

Kenapa Perlu Seni Dan Hiburan Bermartabat Tinggi

Kesenian dan hiburan bermartabat tinggi sebagai satu gagasan bukanlah gagasan yang baru, tetapi merupakan satu penelitian semula terhadap apa yang dinyatakan oleh budayawan dan pemikir terdahulu. Sesungguhnya penegasan terhadap kesenian dan hiburan bermartabat tinggi satu yang perlu dan mendesak berdasarkan beberapa faktor, antaranya:

- Untuk meletakkan kesenian dan hiburan pada tempatnya yang wajar, agar ianya dapat berfungsi secara positif dalam konteks pembangunan masyarakat dan negara.
- Untuk melihat peranan kesenian dan hiburan yang sesuai dengan konsep Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan bernafaskan Islam hadhari.
- Untuk meletakkan kegiatan kesenian dan hiburan sejajar dengan dasar-dasar yang telah diputuskan dan dipersetujui seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan dasar-dasar yang lain. Memberi ruang untuk kesenian dan hiburan agar ianya dibentuk berdasarkan “acuan kita sendiri” sejajar dengan matlamat unggul yang hendak dicapai sebagaimana yang dicita-citakan oleh wawasan 2020. Agar dengan itu yang dihasilkan itu tulen, berdasarkan citra dan nilai serta jati diri sendiri.
- Untuk menyediakan kesenian dan hiburan yang utuh serta dapat menghadapi cabaran gobalisasi yang jikalau tidak kuat dan mapan akan mampu menggugat kesenian dan hiburan tempatan. Wujudnya apa yang diistilahkan oleh Siddiq Fadil [17] sebagai budaya dan gaya hidup *syenthetic* (tiruan) dalam pelbagai bidang – muzik, filem fesyen dan lain-lain. Kecenderungan untuk melakai label-label dan jenama-jenama keinggerisan begitu kuat sekali. Ini melambangkan wujudnya semacam kecelaruan dalam bidang kebudayaan khususnya yang menyentuh persoalan kesenian dan hiburan.
- Untuk mencapai wawasan 2020, menurut Prof Muhammad Kamal Hassan [10] dalam bidang kebudayaan dan kesenian perlu wujud kebudayaan yang memperlihatkan kepelbagaian manifestasi lahiriah, sesuai dengan masyarakat berbilang kaum, dan mendokong nilai-nilai bersama seperti kepercayaan kepada Tuhan, keluhuran undang-undang, kesopanan dan kesusilaan, kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan nasional, kehormatan terhadap kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi di samping menghormati hak tiap-tiap agama, dan nilai moral yang universal. Dengan demikian kesenian dan kesusasteraan yang digalakkan ialah jenis yang tidak merendahkan martabat insan sebagai makhluk yang cintakan keindahan dan kehalusan rasa, sesuai dengan esensi kerohanian dirinya.

Dengan faktor yang antara lainnya dinyatakan di atas, diyakini perbincangan mengenai kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi cukup penting dan relevan sekali.

Kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi juga mempunyai peranan yang tidak sedikit dalam pembangunan masyarakat dan negara, khususnya dalam pembinaan peradaban Malaysia abad ke 21. Ini diuraikan oleh Md Salleh Yaapar [11], yang meliputi kategori estetik dan bukan estetik, melibatkan perkara-perkara berikut:

- Dapat menyuburkan daya imaginasi, rasa yang halus dan daya persepsi yang merupakan aspek-aspek penting bagi sahsiah setiap individu Malaysia yang semestinya dibangunkan secara menyeluruh dan sempurna, terutama dalam persekitaran yang dihipit oleh peralatan teknologi.
- Dapat membangunkan bakat semula jadi yang dianugerahkan Tuhan kepada setiap individu ke arah penghasilan dan penghayatan seni selaras dengan nilai-nilai kemasyarakatan, moral dan kerohanian yang wujud di kalangan masyarakat di negara ini.
- Dapat memperkukuhkan ajaran dan pegangan budaya dan kerohanian umat atau peradaban Malaysia serta membantu dalam penghayatannya.
- Dapat menjadi saluran kerehatan badan, rekreasi, dan hiburan yang sihat bagi semua pendokong peradaban negara ini.
- Dapat menjadi saluran terapi fizikal dan emosional yang konstruktif bagi individu yang memerlukannya.
- Dapat menghasilkan karya-karya dan aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan interaksi sosial di kalangan masyarakat Malaysia. Interaksi sebegini mudah membawa kepada kesefahaman, kemesraan dan kesepaduan di kalangan mereka, yang amat penting untuk pembinaan Bangsa Malaysia.

Nyatalah, kesenian dan hiburan bermartabat tinggi ini mempunyai peranan yang cukup penting dalam pembinaan peradaban Malaysia untuk masa-masa akan datang.

Kesenian Dan Hiburan Bermartabat Tinggi

Kesenian yang bermartabat tinggi ini merujuk kepada seni berdasarkan prinsip dan nilai agama yang samawi. Seni yang disebutkan oleh Ismail Faruqi [7] sebagai seni yang berteraskan tauhid. Kesenian yang diistilahkan oleh Shahnun Ahmad sebagai "seni kerana Allah,berhikmah untuk manusia [17]. Seni yang sedemikian yang didominasi oleh nilai dan semangat Islamiah, yang terhasil dari kebudayaan Islam [17]. Seni yang diungkapkan oleh Muhamad Qutb (1980) sebagai "pernyataan yang indah mengenai hakikat-hakikat kewujudan dari jurus pandangan Islam". Beliau menghuraikan lagi,"Seni Islam tidak semestinya membicarakan Islam - hakikatnya, akidahnya, atau syariatnya meskipun memang tidak salahnya ia berbicara tentangnya, sebagaimana ia juga harus berbicara tentang kewujudan seluruhnya, tetapi apa yang penting ialah bahawa pembicaraannya itu harus dilakukan dari jurus pandangan dan citarasa Islam".

Kesenian ini amat rapat dengan konsep keindahan, kerana ianya sering dikaitkan dengan sabda Rasulullah (SAW) yang bermaksud "*Sesungguhnya Allah itu indah dan Ia amat suka kepada keindahan*" (Riwayat Muslim). Menurut Syed Hosein Nasr [19], keindahan tersebut seharusnya mencakupi faham *ketauhidan* kepada Allah (*al-Tauhid*), menghayati *keadilan* (*al-adl*), serta *ketulusan* tanpa sepadan (*al-karam*). Nyatalah konsep keindahan tersebut bukan berdasarkan penilaian zahir sahaja, sebagaimana ditanggapi oleh kebanyakan orang, tetapi merangkumi konsep yang lebih mendasar dan mendalam.

Kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi itu harus muncul dan berdiri di atas tapak falsafah pembangunan yang mantap dan unggul. Falsafah pembangunan yang disepakati oleh sarjana Islam, seperti yang dinyatakan oleh Prof Dr Mohd. Kamal Hassan [10] yang bertunjangkan perkara-perkara berikut:

- *Tauhid*, (keesaan dan Kekuasaan Allah). Asas ini meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Tuhan dengan manusia, hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan makhluk yang lain.
- *Rububiyah* (Sifat Allah sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarah kehidupan makhluk ke arah kesempurnaan). Dalam konteks ini, peraturan yang ditetapkan oleh Allah inilah yang menjadi asas usaha dan perlakuan manusia laksanakan.
- *Khilafah*, iaitu peranan manusia sebagai utusan Allah di bumi. Asas ini menentukan status dan peranan manusia: ia menjelaskan tanggungjawab manusia sebagai manusia, sebagai Muslim dan

sebagai umat Islam selaku penerima peranan khalifah Allah di bumi. Dari sini terbitlah konsep Islam tentang manusia sebagai pemegang amanah Allah dalam bidang akhlak, politik dan ekonomi dan juga prinsip-prinsip pengaturan masyarakat.

- *Tazkiyah*, peyucian dan pertumbuhan yang sewajarnya. Misi semua nabi Allah antara lainnya ialah mensucikan manusia dalam hubungannya dengan Allah, dengan manusia, dengan alam sekitar dengan masyarakat dan dengan negara.

Seni yang sedemikian yang mendokong semangat Dasar Kebudayaan Kebangsaan, pada tahun 1971 yang merumuskan perkara-perkara penting berikut, iaitu:

- Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini
- Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar, boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan
- Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi ini mempunyai prinsip-prinsip yang tertentu sebagaimana yang diusulkan oleh Amini Amir Abdullah, [4] yang antara lainnya menyalaikan:

- Mengangkat martabat insan dengan tidak meninggalkan nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai persekitaran dan sejabat. Alam sekitar sebagai gelarnya, manakala manusia menjadi seniman yang menggarap segala unsure kesenian untuk tunduk patuh kepada keredaan Allah S.W.T.
- Mementingkan persoalan akhlak dan kebenaran yang menyentuh aspek-aspek estetika, kemanusiaan, moral dan lain-lain lagi.
- Kesenian yang menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung kepada keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri. Menurut Islam, kesenian yang mempunyai nilai tertinggi ialah yang mendorong ke arah kataqwaan, kema'rufan, kesasihan dan budi yang mantap.
- Kesenian yang terpancar daripada wahyu Allah sama seperti undang-undang Allah dan syari'ahnya. Makanya ia harus berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyu. Ini yang membezakan seni yang berteraskan Islam dengan yang lainnya.
- Kesenian yang menghubungkan manusia dengan Tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan juga dengan makhluk yang lain.

Dalam hal ini, pandangan Imam al-Ghazali dalam kitab terkenalnya *Ihya Ulumuddin* [2] wajar diambil perhatian. Dalam konteks yang khusus, iaitu lagu yang merupakan salah satu cabang seni, beliau mengusulkan beberapa ciri yang wajar dihormati, iaitu:

- Lagu yang boleh membangkitkan kerinduan untuk menziarahi tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madinah.
- Lagu yang mengobarkan semangat untuk berjuang mempertahankan akidah dan negara.
- Lagu yang memperlihatkan pertarungan dan sikap perjuangan yang pantang mengalah di saat-saat genting.
- Lagu yang mengenang peristiwa lampau yang menimbulkan kesedihan yang positif. Mengingatkan diri terhadap hakikat hidup yang sebenar.
- Lagu yang menyifatkan keadaan ketika rela dan sukacita untuk menghargai suasana tersebut dan menikmati kenangannya selama yang mungkin.
- Lagu yang bercorak ghazal yang sopan, memperlihatkan kisah cinta dan membayangkan harapan untuk bertemu dan pertautan yang lebih erat di masa akan datang.
- Lagu yang memperlihatkan keagungan sifat-sifat Tuhan, memuji serta *mentahmidkan* kebesarannya.

Dalam hal kesenian ini, pandangan Dr Yusuf al-Qardhawi [21] juga boleh diperhatikan. Dalam konteks kesenian, khususnya nyanyian, beliau memberikan beberapa syarat, antaranya:

Bukan semua lagu itu harus. Isi kandungannya hendaklah bertepatan dengan kesopanan Islam serta ajarannya. Cara perembahannya juga perlu diambilkira. Kadangkala tajuk lagi tidak menjadi masalah, tetapi cara penyampaiannya yang boleh menyebabkan hukumnya *haram*, *syubhah* atau *makruh*. Ini termasuklah cara nyanyian melalui alunan suara yang memberangsangkan dan menghairahkan seks para pendengar, melalui tema-tema cinta berahi yang boleh membawa kepada gejala maksiat dan dosa.

Hendaklah seni dan nyanyian itu tidak diiringi dengan perkara yang haram seperti meminum arak, mendedahkan aurat, atau bercampur antara lelaki dan perempuan tanpa batas dan had. Untuk mendengar nyanyian pada zaman dahulu memerlukan seseorang itu menghadirkan diri di dalam majlis-majlis nyanyian yang bercampur aduk antara lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun pada hari ini, seseorang itu boleh mendengar nyanyian di tempat yang berjauhan dengan penyanyi serta majlis-majlis tersebut. Ini sudah pasti menjadi unsur keringanan dalam masalah ini dan lebih kepada memihak kepada dibolehkan dan dilonggarkan.

Seperti perkara-perkara yang harus yang lain, nyanyian hendaklah tidak boleh dilebih-lebihkan. Terutama nyanyian yang menyentuh perasaan berunsur cinta muda mudi dan kerinduan yang berlebihan. Sekiranya unsur-unsur yang berlebihan ini tidak dikawal, ianya akan mengabaikan hak akal dan agama. Islam mengharamkan sikap berlebihan dan keterlaluan dalam semua perkara walaupun berkaitan dengan ibadat. Apatah lagi jikalau keterlaluan itu di dalam bidang hiburan yang status asalnya hanyalah harus.

Setiap pendengar sebenarnya orang yang paling mahir dan paling layak dalam menentukan hukum seni ini. Sekiranya terdapat unsur yang menaikkan syahwat, mendorong ke arah kejahatan, menjadi lalai dan leka untuk mengerjakan ibadah maka menjadi kewajipan ke atasnya untuk menjauhinya, menutup pintu fitnah tersebut demi memelihara dirinya dan agamanya.

Sebagai panduan yang lebih jelas, elok kiranya diteliti keputusan majlis Fatwa Negeri Pahang [8] mengenai isu seni dan muzik, antara lainnya berbunyi :

- Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadab dan tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dan perempuan dan tidak membawa fitnah adalah hukumnya harus.
- Jika nyanyian senikata tidak baik, lucah, biadab, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dan perempuan dan membawa kepada fitnah, maka nyanyian adalah haram.
- Pancaragam yang melalaikan hukumnya adalah haram.
- Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadab, tidak bercampur-aduk lelaki dan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah, dan tidak melalaikan dari melakukan ibadat fardhu dan kewajipan harian.
- Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah hukumnya harus.
- Pakaian hendaklah menutup aurat.

Dengan mengambil kira beberapa dasar dan pandangan serta fatwa di atas dapatlah dirumuskan kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi tersebut perlu memenuhi beberapa ciri asas antara lainnya termasuklah:

- Kesenian dan hiburan yang berteraskan faham tauhid yang mengaitkan matlamat dan kegiatannya sebagai wadah untuk mengabdikan diri kepada Allah, serta melaksanakan fungsi insan sebagai khalifahNya di dunia ini.
- Kesenian dan hiburan itu perlu merujuk kepada dasar yang sudah utuh seperti yang diungkapkan melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan, yang melatakan Islam sebagai unsur utamanya.
- Kesenian dan hiburan itu perlu dilihat sebagai unsur pelengkap dalam proses melahirkan masyarakat hadari yang madani sifatnya yang diistilahkan oleh Prof Naquib [20] sebagai "kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur" dalam seluruh kehidupan.
- Kesenian dan hiburan yang matlamatnya bukan sekadar untuk mencari keuntungan, tetapi yang lebih murni sifatnya. Di samping matlamat yang sedemikian, cara penyampaian serta pendekatannya juga perlulah beradab dan tidak bercanggah dengan semangat agama.
- Kesenian dan hiburan perlulah dilaksanakan dalam suasana yang terakawal dan beradab. Ini termasuklah menghormati hari-hari tertentu, waktu-waktu tertentu, serta batas percampuran antara lelaki dan perempuan.
- Kesenian dan hiburan tersebut hendaklah menjadi wadah untuk menyuburkan budaya hidup yang sihat, peradaban yang tinggi, menghormati nilai ilmu, semangat setiakawan, serta nilai-nilai tradisi yang perlu diketengahkan dan dipertahankan.
- Kesenian dan hiburan tersebut jangalah terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam penyuburan budaya yang lucah, tidak bermoral serta budaya yang boleh merencat pembinaan akal

budi yang sihat. Kerana budaya negatif yang sedemikian akan membawa keruntuhan dan kemusnahan satu peradaban dan tamadun bangsa.

- Kesenian yang bermartabat tinggi ini seperti yang disimpulkan oleh Roger Garaudy [16], sebagai “segalasesu membawa kepada masjid dan segala masjid membawa kepada salat”, yang mengisyaratkan perkaitan seni tersebut dengan agama dan pengabdian diri kepada Allah.

Beberapa Saranan Awal

Pembicaraan kesenian, hiburan dan kaitannya dengan media massa bukanlah satu yang baru. Mereka yang prihatin dan peka kepada persoalan ini telah lama mengesyurkan beberapa langkah yang sewajarnya diambil agar usaha untuk memanfaatkan kesenian, hiburan dan media massa ke arah yang lebih bermartabat tinggi dapat diralisasikan. Misalnya, Prof Dr Yusuf Hussain [22] telah menyarankan beberapa saranan yang bernas dan praktikal ke arah tersebut. Di antara saranan beliau ialah:

- Menubuhkan satu badan perancang dan pengawas yang anggota-anggotanya terdiri daripada wakil-wakil kementerian penerangan, badan-badan Islam, media massa dan pihak yang berkepentingan yang lain.
- Mengurangkan pergantungan media tempatan terutamanya media elektronik terhadap program yang diimport dari luar.
- Menyediakan garis panduan yang jelas kepada pengeluar atau penerbit program tempatan dan juga artis-artis.
- Memberi kursus nilai-nilai Islam kepada pengeluar atau penerbit, artis, Dee-Jay, editor dan penulis dan juga pereka-pereka iklan serta mereka yang lain yang berkepentingan.
- Memberi kursus lanjutan tentang “production” kepada penerbit-penerbit radio dan TV, dan penerbit-penerbit majalah agama dan dakwah.
- Mengawal kemasukan majalah asing yang tidak mangangkat akalbudi seperti Vogue, Harper, Glamour, Self, Elle, Cosmopolitan, Shape dan lain-lain lagi.
- Meluaskan objektif TV yang sedia ada dengan memasukkan objektif “membina masyarakat yang beriman dan beramal”.

Begitu juga dengan resolusi Seminar TV : Ke Arah Kecemerlangan Bangsa dan Negara” anjuran Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia, pada 19-21 Julai 1991 [18], yang antara lainnya menyarankan peranan penyiaran TV kepada tiga peranan yang utama, iaitu:

- Sebagai wadah *pendidikan*, yang mana TV hendaklah berperanan sebagai alat pendidikan yang memperlihatkan nilai luhur sesuai dengan kesopanan dan kesusilaan.
- Penyebar *maklumat*, iaitu menyampaikan maklumat yang tepat, adil dan bermanfaat dalam pembinaan masyarakat dan negara.
- Sebagai *sumber hiburan*, yang mana TV berperanan sebagai alat hiburan yang bertanggungjawab dan menyiratkan nilai yang luhur.

Abdul Aziz Deraman (4) dalam membincangkan persoalan kebudayaan serta kesenian dan kaitannya dengan Wawasan 2020, membincangkan secara khusus tentang pembangunan kesenian, katanya: “pembangunan kesenian bukanlah sekadar menghadirkan persembahan untuk sorak sorai budaya, tetapi diisi oleh satu dimensi budaya berfikir, memupuk keperibadian bangsa melalui kreativiti yang memancarkan etika, estatika, faksafah dan intelektual bangsa”. Di antara saranan yang beliau berikan dapatlah dirumuskan sebagai berikut:

- Kesenian haruslah bermutu tinggi, berakhlak, berjiwa besar, dan merupakan wadah penting pembinaan jiwa kemanusiaan menerusi lambang-lambang konstitusif, kognatif dan ekspresif.
- Kesenian tersebut haruslah tersemat di dalamnya segala keindahan, kesempurnaan dan nilai-nilai wajar kehidupan bangsa yang diurus secara cemerlang dan professional.
- Kesenian bermutu tinggi tersebut hanya dapat dihasilkan melalui proses kajian dan pengembangan eksperimentasi yang memerlukan sokongan moral dan material yang bukan sedikit.
- Walaupun nilai ekonomi diberikan kepada kesenian, ianya jangan sampai sewenang-wenang merombak dan menjejaskan kewibawaan kesenian itu sendiri

Pada 8 Mac 2004, golongan yang mengelarkan diri mereka sebagai “Kumpulan Prihatin” telah mengusulkan 9 perkara penting yang antara lainnya menyentuh tentang kebudayaan dan kesenian. Perkara 7 usul tersebut melibatkan perkara-perkara berikut:

- Kebudayaan Kebangsaan telah dirumuskan pada tahun 1971, dengan berasaskan tiga unsur. *Pertama*, kebudayaan asal rantau ini (kebudayaan Melayu); *kedua* unsur-unsur yang wajar dan sesuai daripada kebudayaan lain; dan *ketiga* Islam sebagai teras.
- Citra kebudayaan kebangsaan kini ternyata tidak lagi berasaskan semangat tersebut apabila semakin banyak unsur kebudayaan yang ditonjolkan di negara ini lebih bermotifkan pulangan kewangan dengan tidak mengutamakan asas-asas Kebudayaan Kebangsaan. Rancangan-rancangan di kebanyakan stesen televisyen pula kian kelihatan asing daripada citra kebangsaan, juga atas nama kewangan pihak tertentu.
- Tegasnya identiti Kebudayaan Kebangsaan sudah semakin mengelirukan tanpa hala tuju yang jelas dan pada waktu yang sama tidak membantu membentuk watak generasi baru yang dikehendaki.

Kami mengusulkan agar semangat Kebudayaan Kebangsaan yang telah dirumuskan pada tahun 1971 itu menjadi asas penonjolan citra negara serta dijadikan asas untuk pengisian bidang penyiaran dan media massa di negara ini.

Sesungguhnya telah terluau banyak usul dan resolusi dalam pelbagai seminar yang menyentuh persoalan kesenian, hiburan serta kaitannya dengan peranan media massa. Ianya memerlukan keperihatan semua pihak agar segala yang telah diputuskan itu diteliti dan diambil langkah-langkah tertentu demi kelangsungan bangsa dan negara yang bermaruah untuk masa-masa mendatang

Ke Arah Perlaksanaan

Untuk mewujudkan kesenian dan hiburan yang bermartabat tinggi sebagaimana yang didambakan itu bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya memerlukan kefahaman dan keyakinan terutama oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang tersebut. Di antara perkara yang di anggap penting termasuklah:

Perlunya kesedaran tentang peranan penting kesenian dan hiburan sebagai agen pendidikan umah dan pembinaan peradaban Malaysia. Jikalau peranan ini tidak dimainkan dengan sebaik mungkin, kesenian dan hiburan akan menjadi agen sebaliknya iaitu sebagai perosak masyarakat walaupun secara tidak langsung dan tidak dirancang ke arah itu.

Kepada penggiat seni dan hiburan yang beragama Islam, sewajarnya mengetahui bahawa seluruh kegiatan mereka dan termasuklah kegiatan kesenian dan hiburan mereka akan dinilai oleh Allah. Alangkah eloknya bidang tersebut menjadi wadah “dakwah” yang dapat disumbangkan oleh mereka yang berbakat dalam bidang ini. Tentunya ia akan menjadi aset mereka bukan hanya di dunia malah sampai ke akhirat. Mereka akan menjadi penyumbang yang bermakna dalam pembinaan warga dan peradaban Malaysia yang murni.

Kepada pembuat dasar dan polisi, segala keputusan dan dasar-dasar yang telah diputuskan terdahulu seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan sebagainya perlu dilihat dan diambil semangatnya dalam perancangan yang melibatkan kebudayaan, kesenian dan yang berhubungan dengannya. Dengan itu, kegiatan yang dilaksanakan lebih berasas, mempunyai halatuju yang jelas, dan menghormati konsep R & D (penyelidikan dan pembangunan)

Kesenian dan hiburan perlu diangkat martabatnya agar ianya berfungsi sebagai pendidik masyarakat, pembentuk citra bangsa yang unik, di samping nilai ekonomi yang ada di dalamnya dapat juga dipertahankan.

Semua pihak yang berkepentingan perlu dilibatkan dalam proses perancangan yang melibatkan pembangunan kesenian dan hiburan, agar ia tidak tersasar dari pengisian sebuah negara Islam dan konsep Islam hadari yang sedang dipopularkan sekarang.

Dengan mengambil kira resolusi Seminar Islam Dan Kebudayaan Melayu, anjuran Kementerian kebudayaan Belia Dan Sukan [9], yang antara lainnya merumuskan, “kebudayaan mestilah dilihat dalam perspektif yang amat luas yang merangkumi keseluruhan cara hidup. Perlaksanaan Dasar

Kebudayaan Kebangsaan itu mestilah disedari dengan penglibatan menyeluruh oleh badan-badan Kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan swasta, pertubuhan-pertubuhan dan setiap lapisan masyarakat”, persoalan pokok yang disentuh ini wajar amat diberi perhatian.

Usaha memupuk kesedaran dan mendidik warga Malaysia agar mempunyai kefahaman yang jelas tentang agama, budaya dan seni serta hiburan yang setepatnya perlu dilakukan. Maka dengan itu, warga Malaysia akan mampu menghasilkan kesenian dan hiburan “menurut acuan sendiri” dan mampu pula menyaring segala bentuk kesenian dan hiburan yang datang dari luar, dan hasrat untuk melihat kesenian dan hiburan bermartabat tinggi itu akan menjadi realitinya.

Sebagaimana yang disarankan oleh Prof Mohd Kamal Hassan [10], masa depan negara juga bergantung kepada kesediaan dunia hiburan, media elektronik dan cetak, budaya pop, seni dan sastera menjiwai visi dan misi peradaban tinggi.

KESIMPULAN

Kesenian, hiburan dan yang berhubungan dengannya merupakan di antara unsur penting dalam kehidupan. Peranannya dalam mempengaruhi watak, citra dan gelagat masyarakat terutamanya generasi muda amat ketara sekali. Oleh itu ianya harus ditangani secara bijaksana agar peranannya tidak disalahgunakan, yang akan memberikan kesan yang negatif dalam pembinaan warga negara yang mapan untuk masa depan. Kesenian dan hiburan bermartabat tinggi yang bernafaskan prinsip dan nilai agama perlu digarap agar dapat memberikan sedikit jawapan terhadap kemelut yang dihadapi oleh bidang ini. Ianya memerlukan kefahaman, keprihatanan serta tekad yang kuat ke arah itu. Jikalau tidak ianya mungkin akan menjadi seperti resolusi dan usul yang telah lama dan banyak dibuat sebelum ini yang kematiannya tidak mempunyai nisan itu!

RUJUKAN

1. Abdul Hamid al-Ghazali, t.t., *Jhya Ulumuddin*,. Jilid 2, Damsyik.
2. Abdul Ghani, S. dan Lain-Lain ,2001, *Seni Dalam Islam*; Petaling Jaya, Intel Multimedia And Publication.
3. Abdul Aziz, D. dan Rohani, Z.A.2003, *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
4. Amini Amir, A. 1997, dalam Ahmad Fauzi, H.M. dan Ahmad Tarmizi, T., *Tamadun Islam, Serdang*, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
5. Awang, S. 2004, “Menggarap Nasib Bangsa Teras” dalam *Dewan Masyarakat*, **42(5)**: 23-26.
6. Johnson, E. 1987, “Art”, *The Encyclopedia Americana* , **2**: 238, Conecticut, Grolier Incorporated.
7. Ismail Raji al-Faruqi, 2000, *al-Tauhid : Kesannya Terhadap Pemikiran dan Kehidupan*, Kuala Lumpur, Thinker’s Library Sdn. Bhd
8. Jawatankuasa Syariah Negeri Pahang, *Minit mesyuarat* bertarikh 14 April 1997
9. Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, 1977, *Islam Dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan.
10. Mohd Kamal, H. 1992, “Pembinaan Bangsa Malaysia Yang Berperadaban Tinggi Dalam Sebuah Negara Maju” dalam *Kongres Menjelang Abad 21 : Islam Dan Wawasan 2020*, Kuala Lumpur, IKIM.

11. Md. Salleh, Y. 2003, "Seni dan Sastra dalam Peradaban Malaysia" dalam Abdul Aziz, D. dan Rohani, Z.A. *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
12. Mustafa, H. D. 1991, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
13. M. Quraish, S. 1996, *Wawasan Al-Qur'an*, Bandung, Penerbit Mizan.
14. Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, *Resolusi Seminar TV : Ke Arah Kecemerlangan Bangsa dan Negara*, 19-21 Julai 1991
15. Garaudy, R. 1984, *Janji-Janji Islam*, Jakarta, Bulan Bintang.
16. Siddiq, F. 1998, *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur, Institut Kajian Dasar. hlm.42.
17. Sidi, G. 1977, *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara.
18. Syed Hosein, N. 1989, *Falsafah kesusasteraan dan Seni Halus*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
19. Syed Muhammad al-Naqib al-Attas; 1977, *Islam : Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur, Angkatan Belia Islam Malaysia, ABIM
20. Yusuf al-Qardhawi, 2000, *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Kuala Lumpur, Penerbitan Seribu Dinar.
21. Yusuf, H. 1994, "Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Media Massa Di Semenanjung Malaysia (1983-1994): Satu Penilaian Awal" dalam *Bengkel Penilaian Dasar penerapan Nilai-Nilai Islam*, anjuran ABIM di Petaling Jaya, 28 Mei 1994